

# Lebih \$220,000 bagi bantu pelarian Syria

Jumlah antara yang tertinggi pernah dikumpul Yayasan Rahmatan Lil Alamin

10 May 2014

SHAMSUL JANGARODIN

SEJUMLAH \$221,362.94 berjaya dikumpul masyarakat Islam Singapura menerusi satu usaha derma kilat anjuran Yayasan Rahmatan Lil Alamin (RLAF) bulan lalu bagi membantu para pelarian mangsa perang Syria di Turkey.

Dana yang dikumpulkan sepanjang seminggu - dari 4 hingga 10 April lalu - di kesemua 69 masjid di serata negara akan digunakan khusus bagi membiayai pek pendidikan dan permainan kanak-kanak dan pek makanan bagi keluarga susah.

Jumlah itu didedahkan di majlis ringkas penyerahan cek daripada RLAF kepada kumpulan Bantuan bagi Pelarian Syria di Turkey (Asrit) - terdiri daripada Rangkaian Ekspatriat Muslim AMP (MEX) dan laman pengajian Islam, SimplyIslam - sebelum solat Jumaat di Masjid Muhajirin semalam.

Dana kemudian akan digunakan bagi membeli bahan bantuan sebelum diagihkan Asrit di Kilis, sebuah kota di selatan Turkey dan bersempadankan Syria, pada lewat bulan ini.

Dalam pada itu, RLAF juga sedang menimbangkan secara serius untuk membina sebuah sekolah di Kilis.

Ini setelah agensi bantuan kemanusiaan di Turkey, Kimse Yok Mu (KYM), yang bekerja rapat dengan Asrit, memohon bantuan Singapura bagi membolehkannya menampung pendidikan lebih ramai kanak-kanak Syria.

KYM telah membina enam sekolah dan kini mengendalikannya bersama-sama warga Syria di Kilis.

Dianggarkan terdapat 60,000 mangsa pelarian Syria di Kilis - sebahagian kecil daripada lebih sejuta pelarian negara itu yang kini bertaburan di serata Turkey, Jordan, Lebanon, Iraq dan Mesir. Lebih separuh daripada mereka adalah kanak-kanak.

Setiap sekolah, lengkap dengan lesen penggunaan tanah dan perabot, dianggar bernilai AS\$250,000 (\$312,000) dan mampu dihadiri sekitar 500 kanak-kanak.

Bagi tujuan itu dan demi menampung perbelanjaan lain bagi mangsa Syria itu, RLAF akan terus menerima derma orang ramai sehingga 31 Mei ini.

Pengerusi Jawatankuasa Masjid-Masjid RLAF, Haji Paiman Supangat, berkata pihaknya yakin akan dapat kumpul dana bagi menampung perbelanjaan pembinaan sekolah itu.

"Walaupun kos kehidupan di Singapura tinggi, ihsan masyarakat Islam Singapura juga sama tinggi untuk sama-sama membantu dalam kerja-kerja kemanusiaan.

"Ini dapat disaksikan dengan jumlah pungutan derma kilat RLAF ini, antara yang tertinggi yang pernah dilihat," kata Haji Paiman.

Pengasas SimplyIslam, Encik Mohamed Nassir Abdul Sukkur, berkata para pelarian yang dibantu merupakan mereka yang berada di luar kem pelarian yang dikendalikan pemerintah Turkey di Kilis.

Beliau yang telah dua kali ke Kilis sebelum ini - pertama bagi meninjau keadaan dan kedua bagi mengagihkan bantuan hasil dana \$150,000 yang dikumpulkan Asrit - berkata pek pendidikan dan permainan itu diberikan kerana "kanak-kanak yang paling terjejas dengan peperangan, dengan pendidikan dan permainan mampu mengurangkan trauma mereka".

Tambahnya, dengan adanya sekolah yang dibina hasil derma masyarakat Singapura itu, program pembangunan lain juga boleh dirancang pada masa akan datang, misalnya mendapatkan sukarelawan untuk mengajar kanak-kanak Syria itu.

"Ada kanak-kanak yang kehilangan ibu bapa mereka. Ada yang datang dengan kecederaan. Kasihan.

"Selagi perang belum berakhir dan selagi mereka perlukan bantuan, kami akan cuba membantu," kata Encik Nassir.

Mereka yang mahu menyumbang boleh menghantar cek ke RLAF dengan menulis "In Aid of Syrian Refugees" di belakang cek atau menerusi laman <https://www.muis.gov.sg/epayment/Donations.aspx>.